

KHUTBAH JUMAAT
Sempena Hari Belia Negara

“BELIA TONGGAK KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA”
(19 Mei 2023M/ 28 Syawal 1444H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh mengurangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual dan menggunakan telefon. Bersempena dengan sambutan Hari Belia Negara pada tahun ini, marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk : '**Belia Tonggak Kepada Pembangunan Negara**'.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Al-Quran dan al-Hadith banyak memaparkan mengenai golongan muda yang mempunyai peranan yang penting sebagai penegak syariat Allah *subhanahu wata'ala* dan mengetuai pelbagai urusan kehidupan manusia. Antaranya ialah kisah *Ashabul Kahfi* iaitu sekumpulan pemuda yang menyelamatkan diri daripada penguasa yang zalim demi memelihara akidah mereka. Allah *subhanahu wata'ala* memuji tindakan mereka melalui firman-Nya di dalam surah al-Kahfi, ayat 13:

سَخَّرْنَا لَكَ رِجَالَهُمْ بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى

Maksudnya: Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) perihal mereka dengan benar; Sesungguhnya mereka itu orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan Kami tambahi mereka dengan hidayah petunjuk.

Al-Quran juga merakamkan beberapa kisah keteguhan iman dan takwa para Nabi dan Rasul *alaihimussalam* dalam menghadapi ujian duniawi. Antaranya kisah Nabi Yusuf *alaihissalam* yang teguh menjaga kehormatan dirinya dalam usia mudanya. Nabi Ibrahim *alaihissalam* pula berani menghancurkan berhala dalam melawan kesyirikan serta banyak lagi kisah lain yang patut diambil pengajaran. Selain itu, beberapa tokoh sahabat Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* wajar dijadikan contoh teladan seperti Zubair bin al-Awwam, Talhah bin Ubaidillah, Saad bin Abi Waqqas dan ramai lagi generasi contoh dari kalangan orang muda.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya generasi belia merupakan tonggak kepada pembangunan negara pada masa hadapan. Kejayaan masa hadapan sesebuah negara bergantung kepada pembangunan belia pada masa kini. Golongan belia perlu memperkukuhkan jati diri sebagai seorang muslim dan warganegara Malaysia yang unggul agar mampu berperanan untuk menjana pembangunan negara.

Untuk itu, menjadi harapan yang menggunung tinggi agar lahirnya belia yang berilmu pengetahuan, berkemahiran tinggi selari dengan perkembangan dunia teknologi dan mempunyai kekuatan jati diri yang mantap dalam pelbagai aspek seperti akidah, akhlak, perpaduan, kemasyarakatan dan ekonomi.

Justeru, perkara utama yang perlu diusahakan oleh para belia bagi memperkukuhkan jati diri sebagai seorang muslim adalah menerapkan dalam diri akan kefahaman dan penghayatan terhadap ajaran Islam yang sempurna. Wajib bagi setiap Muslim termasuk belia untuk memelihara pegangan agama dalam diri bagi memastikan kehidupan mereka tidak goyah dengan sebarang bentuk ujian dan godaan dalam melaksanakan segala tanggungjawab dan peranan terhadap diri, masyarakat dan negara.

Antara peranan yang perlu dilaksanakan oleh golongan belia adalah menguasai ilmu pengetahuan. Pendidikan merupakan kunci kejayaan terhadap sesuatu perkara. Pemerksaan pembelajaran bagi golongan belia hendaklah dimaksimakan sebaik mungkin supaya mereka didedahkan dengan pelbagai kemungkinan yang

mampu menjadi pemangkin kejayaan diri dan negara pada masa akan datang.

Dengan kemudahan teknologi pada hari ini, tiada alasan yang menjadi penghalang kepada golongan belia untuk mendapatkan apa sahaja ilmu dan pengetahuan yang bermanfaat. Orang di sekeliling golongan belia seperti ibu bapa dan guru wajar memberikan sokongan untuk mereka mempelajari bidang pendidikan yang mereka minati serta pendedahan terhadap pengetahuan am yang penting. Contohnya, di sekolah guru-guru mengajar subjek sejarah kepada pelajar untuk bersikap patriotik kepada negara dan di rumah, ibu dan bapa merasionalkan pengajaran di sekolah dengan berkongsi realiti yang berlaku pada hari ini. Hasilnya, golongan belia yang mempunyai ilmu tentang perkara yang telah berlaku dan melihat realiti kehidupan masa kini, mereka pasti dapat menzahirkan sesuatu yang lebih berguna kepada diri sendiri, keluarga mahupun masyarakat.

Di samping menguasai ilmu secara teori, golongan belia juga perlu mempelbagaikan kemahiran diri. Sebagai contoh, dari sudut pekerjaan, mereka yang mempunyai ketrampilan yang menarik akan lebih menyerlah berbanding mereka yang mempunyai pencapaian akademik tetapi tiada kemahiran interpersonal. Oleh itu, golongan belia perlu sentiasa belajar untuk memperbaiki diri dari hari ke hari. Bak kata pepatah Melayu, belakang parang pun kalau diasah nescaya tajam.

Dalam dunia yang semakin kompetitif hari ini, semangat tidak berputus asa dan konsisten dalam mempelajari sesuatu yang baharu hendaklah diamalkan oleh golongan belia. Golongan belia hari ini perlu menyiapkan diri untuk menghadapi pelbagai cabaran dan ketidak tentuan pada masa hadapan.

Selain itu, golongan belia hendaklah memelihara kesihatan dari segala aspek sama ada fizikal, mental dan juga kerohanian. Mengamalkan pemakanan yang seimbang bukanlah sesuatu yang sukar kerana bahan mentah seperti sayuran dan sumber protein adalah berpatutan untuk dibeli. Tambahan pula, infrastruktur sukan yang bertambah lengkap dari tahun ke tahun boleh dimanfaatkan oleh masyarakat untuk melakukan aktiviti riadah seperti bersukan dan bersenam. Individu yang sihat secara fizikal dan juga mental dapat membentuk jati diri yang mapan kerana badan yang sihat, menjana otak yang cergas.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Bersempena dengan Hari Belia Negara Tahun 2023 pada 15 Mei yang lalu, khatib ingin menyeru kepada semua golongan belia khususnya dan jemaah sekalian, untuk terus menuntut ilmu, memantapkan keimanan dan ketakwaan, mentaati perintah Allah *subhananu wata'ala* dan menjauhi larangan-Nya serta memperbanyakkan ibadah dan melaksanakan aktiviti kebaikan yang mampu menyumbang kepada agama, masyarakat dan negara. Semoga dengan lahirnya pemuda yang beriman dan bertakwa, berilmu pengetahuan, serta berkeperibadian unggul,

masa depan negara terus terjamin dan terpelihara dalam kestabilan yang mampan dan kesejahteraan yang holistik. Insya-Allah.

Mengakhiri khutbah, marilah kita menghayati kesimpulan dari khutbah hari ini iaitu:

Pertama : Generasi belia merupakan pelapis dan pewaris negara. Gerakkan usaha memantapkan jati diri dari segi intelektual, emosi dan spiritual mereka sebagai persediaan menjadikan mereka peneraju legasi keamanan, kesejahteraan dan kejayaan negara.

Kedua : Perteingkatkan kefahaman dan penghayatan agama, binalah keluarga yang bahagia dan berilah sokongan kepada usaha-usaha membentuk generasi belia yang unggul.

Ketiga : Sedarkan generasi belia mengenai peranan dan tanggungjawab mereka untuk melaksanakan pelbagai kebaikan yang menyumbang kepada agama, masyarakat dan negara.

Seterusnya, marilah bersama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Kahfi, ayat 10 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .
إِذْ أَوْىءَ الْفِتْيَةُ إِلَى الْكَهْفِ فَقَالُوا رَبَّنَا آتِنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا

رَشْدًا

Maksudnya: (Ingatkanlah peristiwa) ketika serombongan orang muda pergi ke gua, lalu mereka berdoa: "Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kami rahmat dari sisi-Mu, dan berilah kemudahan-kemudahan serta pimpinan kepada kami untuk keselamatan agama kami".

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Kita hendaklah sentiasa melakukan kawalan sendiri dengan sebaik-baiknya bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit. Teruskanlah memohon keampunan dan bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar diangkat segala wabak dan musibah daripada kita dan dikurniakan keselamatan dan kesejahteraan buat diri, keluarga, masyarakat, negeri dan negara.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ

وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَى اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ
وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.